

AGENDA 12

**MEMBENTANG DAN MENIMBANGKAN
USUL-USUL PERWAKILAN**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 12

MEMBENTANG DAN MENIMBANGKAN USUL-USUL PERWAKILAN

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk makluman perwakilan mengenai usul-usul yang diterima dan penjelasan serta ulasan Lembaga mengenainya.

LATAR BELAKANG

2. Setiausaha telah mengedarkan borang usul kepada perwakilan melalui surat Bil.(44)KPFMB/PO(KA)/02 bertarikh 9 Februari 2026 untuk perwakilan mengemukakan usul-usul (jika ada) sebelum atau pada 31 Mei 2026. Sehingga tarikh akhir mengemukakan usul, sebanyak tiga (3) usul telah diterima daripada perwakilan.

ULASAN LEMBAGA

3. Setelah meneliti kesemua usul yang diterima, Lembaga mendapati usul-usul yang diterima meliputi aspek-aspek berikut:

- (a) usul yang tidak boleh dipertimbangkan kerana bercanggah dengan Undang-Undang Kecil (UUK); dan
- (b) usul yang berupa cadangan bagi urusan pentadbiran dan aktiviti.

4. Ulasan Lembaga kepada usul-usul yang dikemukakan perwakilan adalah seperti di **Lampiran 1**.

SYOR

5. Adalah disyorkan:

- (a) usul-usul atau cadangan yang dikemukakan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan aktiviti akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan; dan
- (b) perwakilan mengambil maklum mengenai penjelasan dan ulasan Lembaga berkaitan usul-usul serta cadangan yang diterima.

6. Agenda ini dibentangkan untuk makluman perwakilan.

Mesyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
2	<p>Langganan Dan Pengeluaran Modal Syer</p> <p>(a) Aturan Penebusan Modal Syer 2023 adakah telah terpakai?</p> <p>(b) Diminta pengurusan KPF mempercepatkan urusan permohonan pengeluaran syer dari anggota. Ini kerana kelulusan permohonan terlalu lama</p>	<p>Pencadang: Baharin bin Sharif (Pesara)</p> <p>Penyokong: Zaharah binti Samad (Pesara)</p> <p>Pencadang: Mohd Fazli bin Otoh (Felda Tersang 1)</p> <p>Penyokong: Azizah binti Raju @ Hussin (Bukan Anggota)</p>	<p>MAPT Ke-42 pada 22 Jun 2023 memutuskan pelaksanaan Aturan Penebusan Modal Syer Anggota ditangguhkan.</p> <p>MAPT Ke-44 pada 26 Jun 2025 telah membentangkan semula aturan tersebut dan ianya telah diluluskan Perwakilan.</p> <p>Namun demikian, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan pindaan UUK oleh SKM.</p> <p>Lembaga sentiasa mengambil perhatian ke atas permohonan pengeluaran syer oleh anggota dan sedaya upaya memenuhi tuntutan tersebut.</p> <p>Bagi tahun 2023 hingga 2025, jumlah yang diproses dan dibayar adalah sebanyak RM270.05 juta melibatkan 14,543 permohonan anggota.</p> <p>Selain itu, bayaran pengeluaran syer oleh anggota bagi permohonan kritikal dan mendesak seperti haji, umrah, agama, perubatan, anggota meninggal, mahkamah, pendidikan dan keperluan lain berjumlah RM30.0 juta bagi permohonan yang dibuat dalam tahun 2024, 2025 dan semasa.</p> <p>Lembaga terus komited untuk menyelesaikan permohonan pengeluaran syer anggota secara berperingkat mengikut ketersediaan tunai.</p>
3.	<p>Aset Pelaburan dan Kewangan</p> <p>(a) 50% hasil jualan Ladang Samarahan hendaklah dilabur dalam saham FELDA/FGV Holdings jika penjualan berhasil.</p> <p>(b) Saham KPF hendaklah dikembalikan 51% seperti dahulu dalam FELDA/FGV Holdings supaya perbelanjaan & pengurusan boleh dikawal oleh FELDA/KPF.</p> <p>(c) Perbelanjaan KPF hendaklah dikawal sebagai contoh:</p> <p>(i) Kumpulan pengurusan terlalu besar – cantumkan jabatan mana yang sesuai.</p>	<p>Pencadang: Baharin bin Sharif (Pesara)</p> <p>Penyokong: Zaharah binti Samad (Pesara)</p>	<p>Usul (a) dan (b) ini, Lembaga akan mengemukakan cadangan kepada FELDA bagi tujuan tersebut.</p> <p>Barisan pengurusan/petugas dibuat berdasarkan kepada saiz dan kompleksiti aktiviti pelaburan dan perniagaan semasa (<i>rightsizing</i>). Selain itu, KPF juga telah melaksanakan eksesais penggabungan subsidiari, pemusatan tadbir urus (<i>centrelise</i>) jabatan-jabatan berkaitan di bawah Kumpulan, pembelian berpusat dan penggunaan system dan teknologi.</p>

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
	<p>(ii) Panel peguam hingga 8 syarikat.</p> <p>(iii) Kepentingan pemegang taruh adalah paling utama. Aktiviti-aktiviti lain adalah ikut kemampuan.</p>		<p>Panel peguam KPF dan Kumpulan adalah berdasarkan kepakaran masing-masing. Pelantikan dibuat mengikut kes yang dikendalikan dan bayaran adalah berdasarkan tugas yang dilaksanakan.</p> <p>Lembaga sentiasa mengambil perhatian ke atas kos/perbelanjaan operasi, pengurusan dan pentadbiran KPF dan subsidiari.</p>

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**